

BAH

Mahathir - Tol

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Ugutan dan demonstrasi bukannya cara yang harus digunakan oleh rakyat untuk menyelesaikan masalah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau berkata rakyat juga tidak boleh menyelesaikan perkara seperti keperluan membayar tol dengan cara menyebelahi parti pembangkang.

+Kalau rakyat hendak pilih DAP, apa yang DAP boleh buat jika kerajaan hendak mengenakan tol,+ katanya kepada pemberita selepas berucap pada Perhimpunan Rakyat sebagai mengakhiri lawatan lima jam ke sekitar Wilayah Persekutuan di Bandar Tun Razak di sini.

Beliau, berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya sama ada Barisan Nasional bersedia menghapuskan tol di Jalan Cheras jika ia memenangi kerusi kawasan Sungai Besi dalam pilihan raya umum akan datang.

+Untuk menghapuskannya, kita tidak berani hendak kata tetapi kita boleh kaji,+ katanya. -- Lagi

BAH

Mahathir - Tol 2 Kuala Lumpur

Ketika bas yang dinaiki oleh Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan tiba di plaza tol Jalan Cheras dalam perjalanan ke Bandar Tun Razak petang ini, sekumpulan orang menunjuk perasaan dengan memaparkan sepanduk dan poster sebagai membantah cadangan pembayaran tol di situ.

Anggota Parlimen kawasan Sungai Besi daripada DAP, Encik Tan Kok Wai, kelihatan berada bersama-sama kumpulan tersebut.

Perdana Menteri berkata DAP menjadikan cadangan pembayaran tol berkenaan sebagai isu politik untuk mendapatkan undi dan bukan sebenarnya bertujuan berkhidmat kepada rakyat.

Katanya, kerajaan membina jalan raya untuk memudahkan rakyat tetapi mereka hendaklah sanggup membayar sedikit sebanyak tol bagi meringankan perbelanjaan.

+Kalau semua hendak percuma, mana kerajaan hendak cari duit,+ katanya.

Menurutnya, walaupun orang ramai mungkin terpaksa membayar tol, tetapi mereka tetap untung daripada segi menjimatkan minyak dan mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan kereta kerana keadaan jalan raya yang baik. -- Bernama